

PUSAT PENGAJIAN SAINS KIMIA DAN TEKNOLOGI MAKANAN

Pengenalan

Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan merupakan satu-satunya Pusat Pengajian di negara kita dan di rantau ini yang menggabungkan bidang kimia dan makanan. Gabungan ini akan membolehkan perkongsian maklumat dan penjana ilmu melalui aktiviti akademik dan penyelidikan dalam aspek asas kimia dan sains makanan, aplikasi dan teknologi dicapai dengan berkesan dan dapat dipindahkan kepada industri dan pasaran secara berterusan. Perubahan ini juga selari dengan tren keperluan dalam persaingan dunia alaf baru dan globalisasi. Disiplin kimia dan teknologi makanan adalah bidang ilmu yang amat perlu dalam kehidupan seharian bagi semua peringkat masyarakat dan hidupan.

Sebagai satu Pusat Pengajian yang dinamik dan sentiasa peka kepada perkembangan semasa, program pendidikannya disusun selari dengan perkembangan zaman dan keperluan semua pihak terutamanya sektor industri dan agensi kerajaan. Falsafah Universiti dan matlamat Fakulti serta Pusat Pengajian akan melahirkan siswazah yang mampu bersaing bukan sahaja di peringkat negara dan serantau malah global. Kejayaan siswazah bidang ini dalam perkembangan pendidikan, penyelidikan, industri dan pembuatan produk di dalam dan di luar negara serta jalinan Pusat Pengajian ini dengan pihak luar adalah bukti keyakinan dan pengiktirafan yang telah dicapai.

Objektif

Objektif PPSKTM adalah untuk menghasilkan graduan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berketerampilan dengan jati diri yang tinggi yang dapat mendokong wawasan Universiti dan Fakulti serta mampu menyumbang untuk perkembangan zamannya,
- Mampu merancang aktiviti kerja, merekabentuk bahan, memiliki pengetahuan tentang proses dan pengeluaran, menitikberatkan keselamatan dan keharmonian alam sekitar serta mampu berkomunikasi dalam pengurusan dan menangani isu-isu semasa,
- Berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kimia, teknologi kimia, oleokimia dan sains makanan yang merupakan komponen penting dalam pembangunan industri pembuatan dan pertanian serta pemakanan dan kesihatan.

Program Pengajian

PPSKTM kini menawarkan 5 program:

- Kimia
- Teknologi Kimia

- Oleokimia
- Sains Makanan dan Pemakanan
- Sains Makanan dengan Pengurusan Perniagaan

PROGRAM KIMIA

Pengenalan

Kimia bermula dengan kajian tentang jirim dan perubahan atau tindak balas yang berlaku terhadapnya. Tindak balas pula boleh menghasilkan pelbagai produk yang mempunyai struktur molekul yang mudah dan rumit. Atom membentuk molekul dan seterusnya molekul membentuk sebatian, jasad dan bahan sama ada yang hidup atau bukan hidup. Sifat atom mempengaruhi pembentukan dan sifat sesuatu jirim yang mungkin dalam bentuk sebatian, mineral dan batuan, sel, DNA, komposit, polimer, pestisid dan sebagainya. Perkembangan teknologi dan komputer membolehkan struktur sesuatu molekul dan bahan direkabentuk serta sifat atau tabiatnya disimulasikan. Dengan kata lain, bahan boleh direkabentuk mengikut kehendak pengguna atau aplikasinya. Oleh yang demikian, bidang kimia telah merentas sempadan antara bidang kerana hampir semua bidang sains asas seperti biologi, geologi, pertanian, fizik, sains bahan, pembuatan, kejuruteraan kimia dan sebagainya memerlukan kimia. Oleh yang demikian peranan ahli kimia dalam alaf baru lebih dinamik dan diperlukan dalam pelbagai bidang dan kerjaya yang kini bercorak lebih kepada multidisiplin.

Objektif utama program ini dirancang adalah untuk memberikan ilmu kimia yang menyeluruh dan terkini supaya dapat digunakan dalam menghadapi cabaran untuk memenuhi keperluan tenaga kerja negara. Pembelajaran kimia akan menitikberatkan pengetahuan asas dalam kimia fizik, organik dan tak organik. Aspek kimia gunaan pula merangkumi kimia analisis, polimer, alam sekitar, farmasi, pemangkinan dan ilmu kimia semasa. Peringkat 1000 dan 2000 merupakan tahap pembinaan ilmu asas kimia. Pengukuhan dan penghayatan ilmu kimia akan dapat diterapkan melalui kursus berbentuk aplikasi dan terkini di peringkat 3000. Pelajar kimia juga didedahkan kepada teknik dan instrumentasi terkini dalam analisis kimia semasa amali dan latihan ilmiah di mana pelajar akan melakukan penyelidikan di bawah penyeliaan ahli akademik. Latihan industri juga digalakkan supaya pelajar dapat menimba pengalaman komunikasi pengurusan dan kemahiran dalam suasana di tempat kerja. Siswazah kimia kini boleh ditemui dalam pelbagai bidang pekerjaan baik di industri mahu pun di agensi kerajaan.

Objektif Program

- PEO1 Untuk melahirkan siswazah yang mahir dan mempunyai pengetahuan sains kimia yang mantap, menyeluruh dan terkini
- PEO2 Untuk melahirkan siswazah yang kompeten dalam kemahiran insaniah

- PEO3 Untuk melahirkan siswazah yang mempunyai kesedaran terhadap persekitaran
- PEO4 Untuk melahirkan siswazah yang berupaya menyumbang kepada pelbagai disiplin untuk memacu pembangunan negara dan sejagat
- PEO5 Untuk melahirkan siswazah yang berupaya memartabatkan Bahasa Melayu dalam menyumbang kepada pelbagai disiplin untuk memacu pembangunan negara dan sejagat

Hasil Pembelajaran Program

- HPP1 Menguasai ilmu sains kimia terkini yang juga boleh menyumbang kepada pelbagai disiplin yang lain.
- HPP2 Mempunyai pemahaman yang mendalam dalam ilmu kimia dan mampu mengenalpasti dan menyelesaikan masalah
- HPP3 Berupaya mengguna dan menyebarkan ilmu sains kimia dengan berkesan.
- HPP4 Kompeten untuk menjalankan penyelidikan & pembangunan dalam bidang sains kimia serta mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi.
- HPP5 Menghayati nilai-nilai moral, etika, profesionalisme dan prihatin terhadap persekitaran.
- HPP6 Mempunyai kemampuan berkerja dan berkomunikasi dengan berkesan.
- HPP7 Mempunyai kemahiran keusahawanan dan kepimpinan yang berkesan.
- HPP8 Kesanggupan untuk meneroka dan menambah ilmu secara berterusan
- HPP9 Mempunyai keyakinan dan jati diri yang tinggi serta bersifat terbuka.

Struktur Program Kimia

PERINGKAT		KURSUS WAJIB			KEPERLUAN TEKNIKAL DAN PILIHAN			KURSUS UNIVERSITI		JUMLAH
		Wajib Fakulti (WF)	WAJIB Pusat (WP)	Wajib Major (WM)	Wajib Teknikal (WT)	Luar Pusat (LP)	Pilihan Bebas (PB)	Kursus Umum	Kok	
1000	I	ZE(2)		STKK1012 STKK1103 STKK1702		STQM1913		ZT1052	HC9118	14*
	II	ZE(2)		STKK1022 STKK1303 STKK1503	STPD1113 ATAU STPD2013 ATAU STPD3013	STQM1923		CMIE 1012 ZT1062		20*
2000	I			STKK2052 STKK2132 STKK2133 STKK2313 STKK2513 STKK2713 STKK2913	STPD1113 ATAU STPD2013 ATAU STPD3013			ZT2163		25*
	II			STKK2062 STKK2123 STKK2223 STKK2323 STKK2523 STKK2723 STKK2942				ZT2173		22*
3000	I	STKK3992		STKK3112 STKK3132 STKK3152 STKK3313 STKK3513 STKK3713 STKK3733 STKK3932						22*
	II	STKK3996		STKK3323 STKK3523 STKK3723			3			18*
	III	STKK3886								6*
Jumlah		18	0	82	6	6	3	12	8	135

ZE: Bahasa Inggeris, PB: Pilihan Bebas, KOK: Ko-Kurikulum.

* bilangan unit tidak termasuk unit KoK

PROGRAM TEKNOLOGI KIMIA

Pengenalan

Teknologi Kimia adalah suatu bidang ilmu yang menumpukan kepada pemprosesan bahan dan produk melibatkan sains kimia, kaedah dan peralatan. Program Teknologi Kimia ditawarkan oleh UKM bagi memenuhi permintaan tenaga mahir yang semakin bertambah dalam sektor awam dan juga swasta. Program ini menggabungkan Sains Kimia, Kejuruteraan Kimia serta bidang lain berkaitan, terutamanya Teknologi Maklumat dan Pengurusan Perniagaan. Ini membolehkan graduan memahami ilmu secara menyeluruh, dengan penghayatan yang tinggi terhadap teknologi serta aplikasinya yang akan menyumbang kepada kemajuan sektor perindustrian negara tanpa mengetepikan pengurusan alam sekitar yang lestari.

Pada tahun pertama, pelajar akan mengikuti kursus asas dalam bidang Kimia. Mereka akan diperkenalkan kepada subjek bertaraf asas dan pelengkap daripada Sains Kimia dan Kejuruteraan Kimia serta beberapa subjek liberal yang penting dalam menghasilkan pelajar dengan sahsiah yang betul untuk menjadi pemimpin dalam sektor industri, perdagangan dan awam pada tahun dua dan akhir. Pelajar akan mengikuti Latihan Industri dalam semester ke tiga peringkat tahun tiga bagi mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan dan mendapatkan pengalaman sebenar dalam aspek teknikal, pengurusan dan pergaulan.

Objektif Program

- PEO1 Untuk melahirkan graduan yang mahir dalam kimia dan teknologi kimia.
- PEO2 Untuk melahirkan graduan yang mampu menyelesaikan masalah berdasarkan pemahaman kimia.
- PEO3 Untuk melahirkan graduan yang berbudaya keusahawanan dan mahir dalam pengurusan teknologi serta memahami keperluan pembelajaran berterusan.
- PEO4 Untuk melahirkan graduan yang beretika profesional dalam memenuhi tuntutan pekerjaan, industri dan masyarakat.
- PEO5 Untuk melahirkan graduan yang memartabatkan Bahasa Melayu dan berkemahiran dalam komunikasi.
- PEO6 Untuk melahirkan graduan yang boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran kerja.
- PEO7 Untuk melahirkan graduan yang berkebolehan menerajui sesebuah organisasi berdasarkan ilmu dalam bidang teknologi kimia.

Hasil Pembelajaran Program

- HPP1 Penguasaan pengetahuan asas Teknologi Kimia
- HPP2 Penguasaan kemahiran teknikal dalam Teknologi Kimia
- HPP3 Berkeupayaan mengenalpasti, merumus dan menyelesaikan masalah.
- HPP4 Berkeupayaan menggunakan kaedah saintifik untuk merekabentuk dan mengendali eksperimen serta menganalisis dan menginterpretasi data
- HPP5 Menghayati isu berkaitan dengan etika, masyarakat, budaya dan alam sekitar.
- HPP6 Mampu berkomunikasi dengan berkesan
- HPP7 Mampu berperanan dalam kumpulan sebagai individu serta pemimpin yang berkesan.
- HPP8 Menyedari keperluan pembelajaran berterusan dan berkeupayaan melakukannya.
- HPP9 Berkemampuan memiliki kemahiran keusahawanan dan pengurusan.

Struktur Program Teknologi Kimia

PERINGKAT		KURSUS WAJIB			KEPERLUAN TEKNIKAL DAN PILIHAN			KURSUS UNIVERSITI		JUMLAH
		Wajib Fakulti (WF)	WAJIB Pusat (WP)	Wajib Major (WM)	Wajib Teknikal (WT)	Luar Pusat (LP)	Pilihan Bebas (PB)	Kursus Umum	Kok	
1000	I	ZE(2)		STKK1012 STKK1103 STKK1702	STPD1113	STQM1913		ZT1052	HC9118	17*
	II	ZE(2)		STKK1022 STKK1303 STKK1503		STQM1923		CMIE 1012 ZT1062		20*
2000	I			STKT2012 STKK2132 STKK2133 STKK2913 STKK2713	STPD2213	STSF2052	3*	ZT2163		24*
	II		STKK2223	STKT2022 STKT2122 STKT2323 STKK2723 STKK2942 STKT2123			3*	ZT2173		24*
3000	I	STKT3992		STKK3132 STKT3313 STKT3312 STKK3713 STKK3932 STKK3112 STKK3733						19*
	II	STKT3996		STKT3422 STKT3922 STKT3243 STKK3723						16*
	III	STKT3886								6*
Jumlah		18	3	70	6	8	6	12	8	131

ZE: Bahasa Inggeris, PB: Pilihan Bebas, KOK: Ko-Kurikulum.

* Sila pilih dua dari kursus berikut sahaja: EPPA2913, EPPM2063, EPPM2903, EPPM2913, EPPM2923, EPPM2933, EPPM2943, EPPM2953, EPPM2963, EPPE2623

* bilangan unit tidak termasuk unit KoK

PROGRAM OLEOKIMIA

Pengenalan

Bidang oleokimia merupakan bidang yang melibatkan pemahaman, pengubahsuaian dan penggunaan bahan-bahan kimia mesra alam yang berasaskan daripada bahan asas minyak dan lemak daripada tumbuhan dan haiwan sahaja. Dewasa ini bahan-bahan oleokimia dapat dihasilkan daripada minyak dan lemak tumbuhan, sama ada melalui proses pemecahan atau pun pengubahsuaian secara bermangkin, tanpa mangkin atau berenzim. Bahan-bahan oleokimia boleh terus digunakan sebagai bahan asas dalam industri sama ada dalam industri makanan dan juga industri bukan makanan setelah melakukan penambahan dan pengubahsuaian tertentu untuk menukarkannya kepada pelbagai sebatian oleokimia lain untuk pelbagai guna. Penggunaan minyak dan lemak dalam industri makanan (80%) telah lama dikenalpasti terutamanya penggunaan secara terus dalam proses pembuatan bahan makanan. Penerokaan penggunaan sebatian oleokimia (20%) dalam sektor industri pembuatan seperti bahan termaju, binaan, jentera, percetakan, pencucian, farmaseutikal, penjagaan dan perapihan diri telah membantu industri minyak dan lemak terutamanya industri sawit negara. Ini memungkinan negara kita boleh muncul sebagai negara maju yang berdaya saing dan terus menerajui industri oleokimia dunia kerana negara kita adalah pengeluar utama minyak sawit dunia.

Pembentukan kurikulum merangkumi penyediaan pelajar tentang asas ilmu kimia dan kimia analisis, diikuti dengan kursus-kursus khusus dalam bidang oleokimia dan lain-lain kursus pelengkap. Peringkat 1000 merupakan tahap pembinaan ilmu asas kimia. Pada peringkat 2000 pelajar mula diperkenalkan dengan kimia lemak dan minyak di samping beberapa kursus pengukuhan seperti, kumpulan berfungsi organik dan penentuan struktur organik. Sejajar dengan bentuknya sebagai sains gunaan; pada peringkat 3000 penumpuan diberikan kepada teknologi pengubahsuaian lemak dan minyak serta penggunaannya dalam industri makanan dan bukan makanan. Melalui kursus yang ditawarkan, siswazah yang dikeluarkan nanti bukan sahaja boleh menjadi seorang ahli kimia yang berkelayakan, bahkan menjadi seorang pegawai penyelidik, pengurus dan pengusaha industri yang berasaskan oleokimia.

Objektif Program

Untuk melahirkan siswazah yang mahir dan mempunyai pengetahuan sains oleokimia yang mantap, menyeluruh dan terkini, kompetensi dalam kemahiran insaniah, kesederan terhadap persekitaran serta berupaya memartabatkan Bahasa Melayu dalam menyumbang kepada pelbagai disiplin untuk memacu pembangunan negara dan sejagat.

Hasil Pembelajaran Program

- HPP1 Mengusai ilmu sains oleokimia terkini yang juga boleh menyumbang kepada pelbagai disiplin yang lain.
- HPP2 Mempunyai pemahaman yang mendalam dalam ilmu oleokimia dan mampu mengenalpasti dan menyelesaikan masalah.
- HPP3 Berupaya mengguna dan menyebarkan ilmu oleokimia dengan berkesan.
- HPP4 Kompeten untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang oleokimia serta mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi.
- HPP5 Menghayati nilai-nilai moral, etika, profesionalisme dan prihatin terhadap persekitaran.

- HPP6 Mempunyai kemampuan berkerja dan berkomunikasi dengan berkesan.
- HPP7 Mempunyai kemahiran keusahawanan dan kepimpinan yang berkesan.
- HPP8 Kesanggupan untuk meneroka dan menambah ilmu secara berterusan.
- HPP9 Mempunyai keyakinan dan jatidiri yang tinggi serta bersifat terbuka.

Struktur Program Oleokimia

PERINGKAT		KURSUS WAJIB			KEPERLUAN TEKNIKAL DAN PILIHAN			KURSUS UNIVERSITI		JUMLAH
		Wajib Fakulti (WF)	WAJIB Pusat (WP)	Wajib Major (WM)	Wajib Teknikal (WT)	Luar Pusat (LP)	Pilihan Bebas (PB)	Kursus Umum	KoK	
1000	I	ZE(2)		STKK1012 STKK1103 STKK1702		STQM1913		ZT1052	HC9118	14*
	II	ZE(2)		STKK1022 STKK1303 STKK1503	STPD1113	STQM1923		CMIE 1012 ZT1062		20*
2000	I			STKL2012 STKL2213 STKL2313 STKL2413 STKK2513 STKK2713	STPD2113 atau STPD2013			ZT2163		23*
	II			STKL2022 STKL2123 STKL2323 STKL2623 STKK2223 STKK2523 STKK2723	STPD3013 atau STPD2213			ZT2173		26*
3000	I	STKL3992		STKL3113 STKL3213 STKL3413 STKK3713 STKK3733 STKK3513			(3)			23*
	II	STKL3996		STKL3223 STKL3323 STKL3623 STKK3723						18*
	III	STKL3886								6
Jumlah		18	0	82	6	6	3	12	8	135

ZE: Bahasa Inggeris, PB: Pilihan Bebas, KoK: Ko-Kurikulum.

* bilangan unit tidak termasuk unit KoK

PROGRAM SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN

Pengenalan

Makanan dan kehidupan tidak boleh dipisahkan. Makanan yang berkhasiat dan berkualiti tinggi bukan sahaja penting untuk pembangunan negara dengan rakyat yang sihat tetapi juga merupakan faktor persaingan dalam ekonomi global dan seterusnya mempertingkatkan pendapatan negara. Polisi Pertanian Negara untuk alaf baru memberi penekanan kepada isu keperluan makanan yang mencukupi dan memenuhi cita rasa pengguna. Teknologi juga memberi impak kepada pengeluaran dan kualiti serta daya pemasaran dalam industri makanan hari ini.

Program Sains Makanan dan Pemakanan menggabungkan aspek asas sains makanan dan aspek pemakanan. Asas sains makanan memberi tumpuan kepada pengeluaran, pemprosesan, pengawetan, pemasaran dan kualiti makanan. Pemakanan pula memfokus kepada pengambilan makanan dan penggunaan nutrien. Paduan kedua-dua aspek ini boleh menghasilkan produk makanan yang berkhasiat dan berkualiti secara terancang dan dinamik.

Program ini dibentuk untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja untuk menampung keperluan tenaga manusia dalam industri makanan negara tetapi diharapkan boleh membantu menangani isu dan permasalahan semasa berkaitan dengan makanan di peringkat global. Pelajar diwajibkan melalui latihan industri di kilang swasta atau pusat penyelidikan serta menjalankan latihan ilmiah untuk mendapatkan pengalaman penyelidikan di makmal. Graduan yang telah lulus kebanyakannya menceburi bidang industri pengeluaran makanan sebagai kerjaya. Di samping itu, program juga menjalankan penyelidikan bersama dengan institusi penyelidikan kerajaan seperti Lembaga Penyelidikan Minyak Sawit (MPOB), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Piawaian dan Industri Malaysia (SIRIM).

Objektif Program

Objektif Pembelajaran Program Sains Makanan dan Pemakanan adalah untuk menghasilkan graduan yang,

- PEO1 Berketrampilan dan bersahsiah tinggi, beretika dan mempunyai daya saing
- PEO2 Mahir, kompeten dan mempunyai pengetahuan sains makanan dan pemakanan yang mantap, menyeluruh serta terkini
- PEO3 Mengamalkan pendekatan saintifik dalam menjana dan berkongsi pengetahuan yang bersifat multi-disiplin
- PEO4 Berkebolehan menggunakan kemahiran praktikal dalam menangani isu-isu semasa sains makanan dan pemakanan

- PEO5 Berupaya mensintesis dan menterjemah pemahaman terhadap pembangunan manusia secara mapan
- PEO6 Kreatif dan mampu menyumbang idea kepada proses penggubalan dasar, pembuatan keputusan dan pelaksanaan pembangunan

Hasil Pembelajaran Program

- HPP1 Menguasai ilmu pengetahuan yang luas, mendalam dan terkini, kefahaman yang kukuh dan kebolehan menggunakan ilmu pengetahuan dan kefahaman tersebut dalam kerjaya sebagai ahli sains makanan dan pemakanan.
- HPP2 Mampu bekerja, sama ada secara bersendirian atau berpasukan serta dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai sekitaran pekerjaan.
- HPP3 Berfikiran kritis, berorientasikan penyelesaian masalah, kreatif, berdaya saing
- HPP4 Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang berkesan.
- HPP5 Mempunyai rasa tanggung jawab sosial.
- HPP6 Berkemampuan menjalankan penyelidikan dan pembelajaran sepanjang hayat.
- HPP7 Mempunyai kemahiran pengurusan dan kecenderungan keusahawanan.
- HPP8 Mempunyai rasa bertanggung jawab, berwibawa dan beretika dalam menyelesaikan permasalahan sains makanan dan pemakanan.
- HPP9 Mempunyai daya memimpin organisasinya.

Struktur Program Sains Makanan dan Pemakanan

PERINGKAT		KURSUS WAJIB			KEPERLUAN TEKNIKAL DAN PILIHAN			KURSUS UNIVERSITI		JUMLAH
		Wajib Fakulti (WF)	WAJIB Pusat (WP)	Wajib Major (WM)	Wajib Teknikal (WT)	Luar Pusat (LP)	Pilihan Bebas (PB)	Kursus Umum	Kok (UC)	
1000	I	ZE(2)	STKK1303 STKK1503 STKK1012	STKM1012		STQM1913	3	ZZZT1052		20*
	II	ZE(2)	STKK1103 STKK1022		STPD1113	STBP1023 STBP1043		CMIE1012 ZZZT1062		20*
2000	I			STKM2113 STKM2312 STKM2313 STKM2412 STKM2513 STKM2712	STPD2213	STBP2013		ZZZT2163		24*
	II		STKK2723	STKM2122 STKM2222 STKM2322 STKM2423 STKM2523 STKM2622 STKM2722		STAB2004		ZZZT2173	HC 9118	26*
3000	I			STKM3014 STKM3114 STKM3123 STKM3212 STKM3312 STKM3713		STAB3043				21*
	II			STKM3023 STKM3223 STKM3323 STKM3522 STKM3721 STKM3914						16*
4000	I			STKM4013 STKM4412 STKM4612 STKM4926						13*
	II			STKM488C						12*
Jumlah		4	16	92	6	19	3	12	8	160

ZE: Bahasa Inggeris, PB: Pilihan Bebas.* bilangan unit tidak termasuk unit KoK

PROGRAM SAINS MAKANAN DENGAN PENGURUSAN PERNIAGAAN

Pengenalan

Program ini digubal untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dalam bidang sains makanan dan pengurusan perniagaan. Kedua-dua aspek ini penting dalam industri makanan yang melibatkan pemprosesan dan pengeluaran makanan serta aktiviti pengurusan yang merangkumi pengendalian, pembelian dan pemasaran, peraturan dan undang-undang syarikat, pemantauan serta kawalan kos. Satu pertiga daripada kursus diambil dari Fakulti Ekonomi dan Perniagaan yang dianggap setara dengan Diploma Pengurusan Perniagaan dan diharap ianya mampu memberi dayasaing kepada pelajar dalam dunia pekerjaan. Graduan lulusan program ini akan dilengkapi dengan kemahiran mengurus dan kepakaran teknikal berkaitan dengan industri makanan. Oleh itu graduan ini boleh membantu meningkatkan keberkesanan aktiviti pengeluaran makanan serta pengurusan sama ada di peringkat industri besar atau industri kecil sederhana (SME), berkaitan dengan industri makanan.

Objektif Program

- PEO1 Berketrampilan dan bersahsiah tinggi, beretika dan mempunyai daya saing
- PEO2 Mahir, kompeten dan mempunyai pengetahuan sains makanan dan pemakanan yang mantap, menyeluruh serta terkini
- PEO3 Mengamalkan pendekatan saintifik dalam menjana dan berkongsi pengetahuan yang bersifat multi-disiplin
- PEO4 Berkebolehan menggunakan kemahiran praktikal dalam menangani isu-isu semasa sains makanan dan pemakanan
- PEO5 Berupaya mensintesis dan menterjemah pemahaman terhadap pembangunan manusia secara mapan
- PEO6 Kreatif dan mampu menyumbang idea kepada proses penggubalan dasar, pembuatan keputusan dan pelaksanaan pembangunan

Hasil Pembelajaran Program

- HPP1 Menguasai ilmu pengetahuan yang luas, mendalam dan terkini, kefahaman yang kukuh dan kebolehan menggunakan ilmu pengetahuan dan kefahaman tersebut dalam kerjaya sebagai ahli sains makanan dan pemakanan.

- HPP2 Mampu bekerja, sama ada secara bersendirian atau berpasukan serta dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai sekitaran pekerjaan.
- HPP3 Berfikiran kritis, berorientasikan penyelesaian masalah, kreatif, berdaya saing
- HPP4 Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang berkesan.
- HPP5 Mempunyai rasa tanggung jawab sosial.
- HPP6 Berkemampuan menjalankan penyelidikan dan pembelajaran sepanjang hayat.
- HPP7 Mempunyai kemahiran pengurusan dan kecenderungan keusahawanan.
- HPP8 Mempunyai rasa bertanggung jawab, berwibawa dan beretika dalam menyelesaikan permasalahan sains makanan dan pemakanan.
- HPP9 Mempunyai daya memimpin organisasinya.

Struktur Program Sains Makanan dengan Pengurusan Perniagaan

PERINGKAT		KURSUS WAJIB			KEPERLUAN TEKNIKAL DAN PILIHAN			KURSUS UNIVERSITI		JUMLAH
		Wajib Fakulti (WF)	Wajib Pusat (WP)	Wajib Major (WM)	Wajib Teknikal (WT)	Luar Pusat (LP)	Pilihan Bebas (PB)	Kursus Umum	Kok (UC)	
1000	I	ZE(2)	STKK1012 STKK1303 STKK1503	STKM1012		STQM1913	3	ZZZT1052		20*
	II	ZE(2)	STKK1103 STKK1022	EPPM2913 EPPM2933	STPD1113	STBP1043		CMIE1012 ZZZT1062		23*
2000	I			STKM2113 STKM2313 STKM2312 STKM2412 STKM2513 EPPA2913	STPD2213			ZZZT2163		22*
	II			STKM2122 STKM2222 STKM2322 STKM2423 STKM2622 STKM2722 EPPM2903		STAB2004		ZZZT2173	HC 9118	23*

3000	I			STKM3014 STKM3114 STKM3212 STKM3312 EPPM2943						15*
	II			STKM3023 STKM3223 STKM3323 STKM3721 EPPM3323 EPPM2063/ EPPM2923 STKM3914						20*
4000	I			STKM4013 STKM4612 EPPA2923 EPPM2953 STKM4926						17*
	II			STKM488C						12*
Jumlah		4	13	104	6	10	3	12	8	160

ZE: Bahasa Inggeris, PB: Pilihan Bebas

* bilangan unit tidak termasuk unit KoK

LIPUTAN KURSUS

Program Kimia/*Chemistry Programme*

STKK1012	Amali Kimia I
STKK1022	Amali Kimia II
STKK1103	Kimia Fizik I
STKK1303	Kimia Tak Organik Asas
STKK1503	Kimia Organik I
STKK1702	Kimia Analisis Asas
STKK2052	Amali Kimia III
STKK2062	Amali Kimia IV
STKK2132	Kimia Fizik II
STKK2123	Spektroskopi Asas
STKK2133	Pemangkinan Kimia
STKK2223	Pengurusan Industri Kimia
STKK2313	Kimia Kumpulan Utama dan Peralihan
STKK2323	Kimia Koordinatan
STKK2513	Kimia Organik II
STKK2523	Penentuan Struktur Molekul
STKK2713	Statistik Kimia
STKK2723	Kaedah Pemisahan
STKK2913	Kimia Polimer I
STKK2942	Kimia Polimer II
STKK3112	Kinetik Kimia
STKK3132	Elektrokimia
STKK3152	Kesimetrian Molekul
STKK3313	Kimia Keadaan Pepejal
STKK3323	Kimia Organologam dan Biotakorganik
STKK3513	Kimia Organik III
STKK3523	Kimia Bio-organik
STKK3713	Instrumentasi Kimia I
STKK3723	Instrumentasi Kimia II
STKK3733	Kimia Alam Sekitar
STKK3886	Latihan Industri
STKK3932	Kimia Polimer III
STKK3992	Latihan Ilmiah I
STKK3996	Latihan Ilmiah II
STKK1032	Amali Kimia Am
STKK1233	Kimia Am I
STKK1243	Kimia Am II

Program Teknologi Kimia

Formatted: Bottom: 4 cm

STKT2012	Makmal Teknologi Kimia I
STKT2123	Prinsip Proses Kimia
STKT2022	Makmal Teknologi Kimia II
STKT2122	Termodinamik Kimia
STKT2323	Pemangkinan Dalam Industri
STKT3313	Reaktor Kimia
STKT3312	Mekanik Bendalir
STKT3422	Instrumentasi Pemprosesan
STKT3922	Pemprosesan Polimer
STKT3243	Teknologi Pemisahan
STKT3886	Latihan Industri
STKT3992	Latihan Ilmiah I
STKT3996	Latihan Ilmiah II

Program Oleokimia

STKL2012	Amali Kimia Minyak dan Lemak I
STKL2213	Kimia Koloid
STKL2313	Pemangkinan Oleokimia
STKL2413	Kimia Minyak dan Lemak
STKL2022	Amali Kimia Minyak dan Lemak II
STKL2123	Sebatian Oleokimia
STKL2323	Biosintesis Minyak dan Lemak
STKL2623	Perkembangan Produk Oleokimia
STKL3886	Latihan Industri I
STKL3992	Latihan Ilmiah I
STKL3996	Latihan Ilmiah II
STKL3113	Teknologi Adunan Oleokimia/
STKL3213	Teknologi Pemprosesan Oleokimia
STKL3223	Kimia Kosmetik dan Penjagaan Diri
STKL3323	Kimia Sabun dan Bahan Pencuci
STKL3623	Kimia Permukaan
STKL3413	Teknologi Enzim Dalam Oleokimia

Program Sains Makanan dan Pemakanan

STKM1012	Asas Sains Makanan dan Pemakanan
STKM2113	Mikrobiologi Makanan
STKM2122	Amali Kimia Makanan
STKM2222	Pengawetan Makanan
STKM2312	Amali Analisis Kimia Makanan
STKM2313	Analisis Kimia Makanan
STKM2322	Amali Analisis Kimia Makanan Lanjutan
STKM2412	Amali Mikrobiologi Makanan
STKM2423	Kimia Makanan
STKM2513	Pemakanan
STKM2523	Pemakanan Semasa Kitaran Hidup

STKM2622 Analisis Kimia Makanan Lanjutan
STKM2712 Amali Kimia Pemakanan
STKM2722 Amali Pengawetan Makanan
STKM3014 Penilaian Sensori Makanan
STKM3023 Kualiti, Keselamatan & Perundangan Makanan
STKM3114 Pembangunan Produk Makanan
STKM3123 Bioteknologi dan Ingredien Makanan
STKM3212 Teknologi Pemprosesan Makanan
STKM3223 Pengurusan Pengeluaran Makanan Halal
STKM3312 Amali Pemprosesan Makanan
STKM3323 Komunikasi Saintifik
STKM3522 Diet Terapi
STKM3713 Pemakanan Lanjutan
STKM3721 Seminar
STKM3914 Latihan Ilmiah I
STKM4013 Toksikologi Makanan
STKM4412 Pemakanan Komuniti
STKM4612 Pengenalan Pengurusan Perusahaan Makanan
STKM488C Latihan Industri
STKM4926 Latihan Ilmiah II

Program Sains Makanan dengan Pengurusan Perniagaan

STKM1012 Asas Sains Makanan dan Pemakanan
STKM2113 Mikrobiologi Makanan
STKM2122 Amali Kimia Makanan
STKM2222 Pengawetan Makanan
STKM2312 Amali Analisis Kimia Makanan
STKM2313 Analisis Kimia Makanan
STKM2322 Amali Analisis Kimia Makanan Lanjutan
STKM2412 Amali Mikrobiologi Makanan
STKM2423 Kimia Makanan
STKM2513 Pemakanan
STKM2622 Analisis Kimia Makanan Lanjutan
STKM2722 Amali Pengawetan Makanan
STKM3014 Penilaian Sensori Makanan
STKM3023 Kualiti, Keselamatan & Perundangan Makanan
STKM3114 Pembangunan Produk Makanan
STKM3212 Teknologi Pemprosesan Makanan
STKM3223 Pengurusan Pengeluaran Makanan Halal
STKM3312 Amali Pemprosesan Makanan
STKM3323 Komunikasi Saintifik
STKM3721 Seminar
STKM3914 Latihan Ilmiah I
STKM4013 Toksikologi Makanan
STKM4612 Pengenalan Pengurusan Industri Makanan
STKM488C Latihan Industri

STKM4926 Latihan Ilmiah II

Kursus untuk Pelajar Luar Pusat Pengajian dalam FST

STKK1032 Amali Kimia Am
STKK1233 Kimia Am I
STKK1243 Kimia Am II
STKP1033 Makanan dan Gaya Hidup
STKM2512 Pemakanan
STKT2323 Pemangkinan dalam Industri

- * Untuk Pelajar yang telah dan akan mengambil kursus STKK1233 dan STKK1243 atau telah tercatat dalam modul Pusat Pengajian masing-masing sahaja
- Pelajar-pelajar juga boleh memilih mana-mana kursus wajib di Pusat Pengajian(WP) lain yang bersesuaian sebagai LP.
- Pelajar-pelajar dinasihatkan berbincang dengan Ketua Program masing-masing untuk mendapat nasihat dalam membuat pilihan kursus LP.

Kursus yang ditawarkan kepada Fakulti Sains Sosial

STKK1412 Kimia dan Masyarakat
STKP1033 Makanan dan Gaya Hidup

Kursus Fakulti Ekonomi dan Perniagaan

EPPA2913 Prinsip Perakaunan Perniagaan
EPPA2923 Analisis Penyata Kewangan
EPPM2063 Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat
EPPE2623 Ekonomi dan Pengurusan Alam Sekitar
EPPM2903 Prinsip Pengurusan Perniagaan
EPPM2913 Prinsip Pengurusan Organisasi
EPPM2923 Prinsip Pengurusan Sumber Manusia
EPPM2933 Asas Pengurusan Kewangan
EPPM2943 Pengurusan Pemasaran
EPPM2953 Prinsip Pemasaran
EPPM2963 Asas Insurans
EPPM3323 Penyelidikan Pemasaran

SINOPSIS KURSUS DAN BACAAN ASAS ~~COURSES SYNOPSIS AND REFERENCES~~

~~PROGRAM KIMIA~~ ~~CHEMISTRY PROGRAMME~~

STKK1012 Amali Kimia I

(Nota: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan; Program Forensik dan Program Biokimia sahaja)

(Prasyarat: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Program Forensik, Program Biokimia dan Fakulti Pendidikan yang membuat pengkhususan dalam bidang kimia sahaja.)

Pelajar dilatih untuk menjalankan, mencerap, merekod, membincangkan dan melaporkan hasil beberapa eksperimen yang melibatkan asas kimia organik, kimia tak organik, kimia fizik dan kimia analisis.

~~STKK1012 Practical Chemistry I~~

(Note: Enrolment for School of Chemical Sciences & Food Technology; Forensic, and Biochemistry Programmes only)

Students will be guided to conduct experiments that cover techniques, observe, record methods, discuss and report experimental results for observations and data collections in aspects of basic organic, inorganic, physical and analytical chemistry.

Bacaan Asas/~~References~~

Czarnik, A.W. (Editor). 1998. *A Practical Guide to Combinational Chemistry*. New York: American Chemical Society.

Furniss, B.S. Tatchell, A.R. Hannford, A.J. & Smith, P.W.G. 1989. *Vogel's Textbook of Practical Chemistry*. New York: Addison Wesley Longman Limited.

Halpern, A.M. 1997. *Experimental Physical Chemistry*. New York: Prentice Hall.

Marcus, S.T. & Plane, R.A. 1987. *Experimental General Chemistry*. New York: McGraw-Hill.

Sharp, J.T.T., Cosney, I. & Rowley, A.G. 1989. *Practical Organic Chemistry: A Handbook of Guide*. New York: Chapman & Hall.

~~Hasil Pembelajaran Kursus~~ Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)

~~Course Outcome (CO)~~

HPK1 Kemahiran menggunakan alat radas makmal kimia.

~~Able to use chemical laboratory apparatus.~~

HPK2 Kebolehan memahami konsep pengikatan, struktur, isomer dan konformasi kimia.

~~Able to understand the concept of bonding concept, structure, isomer and chemical conformation.~~

Formatted: Font: 11 pt

Formatted: Font: 11 pt, Italic

Formatted: Default

Formatted: Font: Italic, Font color: Black

Formatted: Font: Italic

HPK3 Kebolehan melakukan analisis volumetri.

~~*Able to perform volumetric analysis*~~

Formatted: Font: 12 pt, Not Italic, Font color: Black

HPK4 Kebolehan memahami prinsip asas termokimia.

~~*Able to understand the basic principal of thermochemistry concept.*~~

HPK5 Kebolehan melakukan kerja secara berpasukan.

~~Able to work in teamgroup.~~

STKK1022 Amali Kimia II

(Nota: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan; Program Forensik dan Program Biokimia sahaja)

(Prasyarat: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Program Forensik, Program Biokimia dan Fakulti Pendidikan yang membuat pengkhususan dalam bidang kimia sahaja.)

Pelajar dilatih untuk menjalankan, menceraip, merekod, membincangkan dan melaporkan hasil beberapa eksperimen yang melibatkan asas kimia organik, kimia tak organik, kimia fizik dan kimia analisis.

~~STKK1022 Practical Chemistry II~~

~~(Note: Enrolment for School of Chemical Sciences & Food Technology: Forensic, and Biochemistry Programmes only)~~

~~Students will be guided to conduct experiments that cover techniques, methods, observations and data collections in aspects of basic organic, inorganic, physical and analytical chemistry. Students will be guided to conduct experiments, observe, record, discuss and report experimental results for basic organic, inorganic, physical and analytical chemistry.~~

Formatted: Justified

Bacaan Asas/References

Czarnik, A.W. (Editor). 1998. *A Practical Guide to Combinational Chemistry*. New York: American Chemical Society.

Furniss, B.S., Tatchell, A.R., Hannford, A.J. & Smith, P.W.G. 1989. *Vogel's Textbook of Practical Chemistry*. New York: Addison Wesley Longman Limited.

Halpern, A.M. 1997. *Experimental Physical Chemistry*. New York: Prentice Hall.

Marcus, S.T. & Plane, R.A. 1987. *Experimental General Chemistry*. New York: McGraw-Hill.

Sharp, J.T.T., Cosney, I. & Rowley, A.G. 1989. *Practical Organic Chemistry: A Handbook of Guide*. New York: Chapman & Hall.

**Hasil Pembelajaran Kursus Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)
Course Outcome (CO)**

HPK1 Kebolehan untuk menyediakan -dan menuliskan sebatian kimia.

~~— Able to prepare and purified of an organic chemical compound.~~

HPK2 Kebolehan melakukan analisis gravimetri

~~— Able to perform gravimetric analysis~~

HPK3 Kebolehan memahami dan melakukan pemisahan campuran cecair organik.

~~— Able to understand and perform separate a mixture of organic liquids mixture separation~~

HPK4 Kebolehan memahami sifat-sifat gas oksigen dan hidrogen

~~— Able to understand the properties of oxygen and hydrogen~~

HPK5 Kebolehan melakukan kerja secara berpasukan.

Formatted: Indent: Left: 0 cm, First line: 0 cm

Formatted: Default, Left, Indent: Left: 0 cm, First line: 0 cm

Able to work in groupteam

Formatted: Font: 12 pt, Font color: Black

Formatted: None

370. *Panduan Prasiswazah FST Sesi Akademik 2012-2013*

Formatted: Font: Times New Roman

Formatted: Indent: Left: 0 cm, First line: 0 cm

STKK1103 Kimia Fizik I

(Nota: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan; Program Forensik dan Program Biokimia sahaja)

(Prasyarat: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Program Forensik, Program Biokimia, dan Fakulti Pendidikan yang membuat pengkhususan dalam bidang kimia sahaja.)

Pengukuran dalam sains fizik: Sistem SI, pelbagai unit kepekatan. Jirim: zarah, gas, cecair, pepejal, pengikatan antara zarah-zarah. Gas unggul dan gas sebenar: hukum-hukum gas, persamaan van der Waals dan lain-lain persamaan gas sebenar. Pengantar termodinamik: sistem, sifat-sifat sistem, sifat intensif, sifat ekstensif. Hukum pertama: kerja, haba dan tenaga; entalpi, entalpi piawai. Perubahan sistem: fungsi keadaan dan fungsi lintasan, pembezaan tepat dan pembezaan tak tepat. Perubahan: perubahan tenaga dalaman, arah perubahan sistem. Hukum kedua: entropi. dan hukum ketiga. Tenaga bebas sistem: persamaan termodinamik umum, ciri-ciri tenaga bebas, keupayaan kimia. Sempadan fasa, kestabilan fasa, peralihan fasa, permukaan cecair. Gambarajah fasa: sistem satu komponen, sistem dua komponen cecair-cecair, sistem dua komponen cecair-pepejal.

~~STKK1103 Physical Chemistry I~~

(Note: Enrolment for School of Chemical Sciences & Food Technology; Forensic, and Biochemistry Programmes only)

Measurement in physical sciences; SI unit system, various units for concentration. Matter: particles, gas, liquid, solids, inter particles bonding. Ideal gas and real gas: gas laws, van der Waals equations and other real gas equations. Introduction to thermodynamics: system, system properties, intensive and extensive properties. First law: work, heat and energy; enthalpy, standard enthalpy. System changes: state and path functions, exact and inexact differentials. Changes: internal energy changes, direction of system changes. Second law: entropy and third law. Free energy of system: general thermodynamic equation, characteristics of free energy, chemical potential. Phase boundary, phase stability, phase transition, liquid surface. Phase diagram: one component system, liquid liquid two component system, liquid solid two component system.

Bacaan Asas/~~References~~

- Atkins, P. & de Paula, J. 2006. *Physical Chemistry*, Ed. 8. Oxford: Oxford University press.
- Brady, J.E. & Senese, F. 2004. *Chemistry: Matter and Its Changes*. New York: Wiley International Edn.
- Chang, R. 2002. *Chemistry*, Ed 7. New York: McGraw-Hill.
- Ibrahim Abdullah. 1989. *Thermodynamic Chemistry (Malay)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vemulapalli, G.K. 1993. *Physical Chemistry*. New Jersey: Prentice-Hall.

~~Hasil Pembelajaran Kursus~~ Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)**~~Course Outcome (CO)~~**

Formatted: Justified

HPK1 Kebolehan mengenali sifat-sifat fizik dan kimia bagi pepejal, cecair dan gas

~~Able to identify physical and chemical properties of solid, liquid and gases~~

HPK2 Kebolehan menjelaskan hukum gas unggul dan hubungan di antara hukum tersebut serta membezakannya dengan gas sah

~~Able to explain ideal gas law and their inter relationships and to differentiate the former with real gas~~

HPK3 Kebolehan menjelaskan hukum termodinamik serta memahami hubungan tenaga, haba dan kerja serta hubungannya dengan persamaan kimia

~~Able to explain the thermodynamic law and able to understand its relationship with energy, heat and work~~

HPK4 Kebolehan menjelaskan fugasiti dan hubungannya dengan tekanan

~~Able to explain fugacity and its relationship with pressure~~

HPK5 Kebolehan menentukan bilangan fasa, komponen dan darjah kebebasan bagi sistem satu dan dua komponen serta menjelaskan kestabilan fasa dan perubahan fasa.

~~Able to determine number of phase, component and degree of freedom for one and two components and able to explain phases stabilization and changes~~

HPK6 Kebolehan menjelaskan ciri-ciri larutan dan sifat koligatif serta mengenalpasti ciri-ciri termodinamik ion dalam larutan dan pergerakan dalam cecair

~~Able to explain the characteristic of solution characteristic and colligative properties characteristic and able to identify the thermodynamics characteristic of ion and moving in solutions thermodynamics and its movement in liquid~~

STKK1303 Kimia Tak Organik Asas

(Nota: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan; Program Forensik dan Program Biokimia sahaja)

(Prasyarat: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Program Forensik dan Fakulti Pendidikan yang membuat pengkhususan dalam bidang kimia sahaja.)

Perbincangan tentang aAsas penting dalam kimia tak organik seperti: Hubungan berkala, hubungan jisim dalam tindak balas kimia dan stoikiometri. Penekanan diberikan kepada bagaimana struktur atom ditentukan daripada awal zaman sehingga kepada teori atom moden. Struktur elektronik atom. Pengikatan kimia: Pengikatan kimia, geometri molekul dan teori ~~orbital~~ orbital molekul. Daya yang menyatukan molekul: Daya intermolekul di dalam cecair dan pepejal.

Formatted: Font color: Black

Formatted: Default

Formatted: Justified

~~STKK1303 Basic Inorganic Chemistry~~

~~(Note: Enrolment for School of Chemical Sciences & Food Technology; Forensic, and Biochemistry Programmes only)~~

~~Basic discussion Basic areas in inorganic chemistry such as: Periodical relationship, mass relation in chemical reactions and stoichiometry. Emphasis will be placed on how the structure of an atom has evolved beginning from the early day to the modern days. Atomic theory: Electronic structure of an atom. Bonding theories: Chemical bonding, molecular geometry and molecular orbital theory. The forces holding molecules Molecular forces: Intermolecular forces in liquid and solid.~~

Bacaan Asas/References

Chang, R. 1998. *Chemistry*. Ed. ke-6, USA: McGraw Hill Housecroft, C. & Shrape, A.G. *Inorganic Chemistry*. 2008. Ed. Ke-3, Prentice Hall.

Christian, G.D., 1994. *Analytical Chemistry*. Ed. ke-5, New York: John Wiley & Sons.

Cotton, F.A., Wilkinson, G. & Gaus, P.L. 1995. *Basic Inorganic Chemistry*. Ed. ke-3, New York: John Wiley & Son.

Ibrahim Baba. 1994. *Inorganic Chemistry-Concept and Structure (Malay)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Masterton, W.L. & Hurley, C.N. 1997. *Chemistry: Principles & Reactions*. 3rd. Ed., USA: Saunders College Publishing.

~~Hasil Pembelajaran Kursus~~ Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)

~~Course Outcome (CO)~~

HPK1 Berkebolehan untuk memahami, berkomunikasi dan mengaplikasikan prinsip jadual berkala dan menerangkan kesan perubahan jadual berkala terhadap cas nuklear dan jejari berdasarkan sifat kimia dan fizik

~~Ability to understand, communicate and apply the underlying principles of periodicity and account for the effects of periodic change in nuclear~~

~~charge and radius on the physical and chemical properties.~~

HPK2 Berkebolehan untuk menghubungkan jisim dan unsur-unsur dalam jadual berkala berdasarkan jisim atom dan molekul, berupaya menerbitkan formula empirik, tindakbalas kimia dan stoikiometri

~~Able to relate the relationship of mass and the chemistry of the element in periodic table based atomic and molecular masses, be able to deduce the empirical formula, chemical reactions and stoichiometry.~~

HPK3 Berkebolehan untuk memahami, berkomunikasi dan mengaplikasi prinsip teori kuantum seperti teori Bohr's, De Broglie, mekanik kuantum, persamaan Schrodinger, prinsip mekanik kuantum dan persamaan Schrodinger

~~Able to understand, communicate and apply the principle of quantum theory such as Bohr's, De Broglie Theories, principle of quantum mechanic and Schrodinger equation~~

HPK4 Berkebolehan untuk menerangkan tenaga orbital, konfigurasi elektronik dan pengisian orbital

~~Able to account for the orbital energies, electronic configuration and orbital assignments~~

HPK5 Berupaya untuk memahami, berkomunikasi dan mengaplikasi konsep asas ikatan kimia, cas, struktur resonans dan peraturan oktet.

~~Able to understand, communicate and apply the basic concept of chemical bonding, formal charge, resonance structure and octet rule~~

HPK6 Berkebolehan untuk berkomunikasi dan mengaplikasi konsep ikatan kimia dalam geometri molekul, penghibridan dan teori orbital molekul

~~Able to communicate and apply chemical bonding concepts to molecular geometry, hybridization and molecular orbital theory~~

Formatted: Default, Left

Formatted: Font: 12 pt, Font color: Black

Formatted: Default, Left, Indent: Left: 0 cm
First line: 0 cm

Formatted: None

Formatted: Indent: Left: 0 cm, First line: 0 cm

Formatted: Indent: Left: 0 cm, First line: 0 cm

STKK1503 Kimia Organik I

(Nota: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan; Program Forensik dan Program Biokimia sahaja)

(Prasyarat: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Program Biokimia, Program Forensik dan Fakulti Pendidikan yang membuat pengkhususan dalam bidang kimia sahaja.)

Perbincangan mengenai formula molekul, unit tak tepu, keisomeran, konformer, stereokimia dan penamaan sebatian karbon dengan hidrogen dan halogen. Struktur dan pengikatan, daya antara molekul dan sifat fizik sebatian ~~ini akan dibincangkan~~ termasuk pengenalan ciri spektrum dan pencaman. Tindak balas dan sintesis alkana, alkena, alkuna, diena, benzena dan terbitannya. Pengenalan kepada sebatian alkil halida dan alkohol turut dibincangkan.

~~**STKK1503 Organic Chemistry I**~~

~~*(Note: Enrolment for School of Chemical Sciences & Food Technology: Forensic, and Biochemistry Programmes only)*~~

~~*This course discusses molecular formulas, unsaturation units, isomerism, conformers, stereochemistry, and nomenclature of the carbon compounds of carbon with hydrogen and halogens. Structure and bonding, intermolecular forces and physical properties of these compounds will be discussed including introduction to spectral properties and identification. Reactions and syntheses of alkanes, alkenes, alkynes, dienes, benzene and their derivatives. Introduction to alkyl halides and alcohols will also be discussed.*~~

Formatted: Default

Formatted: Font color: Black

Bacaan Asas/References

Carey, F.A. 2006. *Organic Chemistry*. 6th Ed., McGraw Hill.

Bruice, P. Y. 2006. *Organic Chemistry*. 5th Ed., Ace Organic Series.

McMurry, J. 2004. *Organic Chemistry*. 6th Ed., California: Brooks/Cole Publishing Company.

Solomons, T.W. & Fryhle, C.B. 2004. *Organic Chemistry*. 8th Ed. New York: John Wiley & Sons.

Wade, L. G. 2006. *Organic Chemistry*. 6th Ed. New York: Prentice Hall/Pearson.

Hasil Pembelajaran Kursus/Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)**Course Outcome (CO)**

HPK1 Berkebolehan memahami konsep asas atom karbon, ikatan kovalen serta penghibridan dan formula molekul bagi sebatian organik tepu dan tak tepu.

~~*— Able to understand basic concept of carbon atom, covalent bonding and hybridization and molecular formula of saturated and unsaturated organic compounds.*~~

HPK2 Berkebolehan menamakan sebatian hidrokarbon serta sifat fizik mereka

~~*— Able to name the hydrocarbon as well as their physical properties.*~~

HPK3 Berkebolehan memahami konsep keisomeran dalam sebatian organik

~~*— Able to understand concept of isomerism in organic compounds.*~~

HPK4 Berkebolehan memahami sifat kimia hidrokarbon berdasarkan tindak balas

kimia dan sintesis alkana, alkena, diena, alkuna, benzena dan terbitannya.

~~— Able to understand the chemical properties of hydrocarbons based on the chemical reactions and syntheses of alkanes, alkenes, dienes, alkynes, benzene and their derivatives.~~

HPK5 Berkebolehan menamakan sebatian alkil halida dan alkohol serta sifat fizik.

~~— Able to name alkyl halides and alcohols and their physical properties.~~

STKK1702 Kimia Analisis Asas

(Nota: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan; Program Forensik dan Program Biokimia sahaja)

(Prasyarat: Untuk pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Program Biokimia dan Program Forensik)

Sampel, persampelan dan penyediaan sampel untuk analisis. Ralat dan pengolahan data analisis. Konsep asid-bes dan keseimbangan larutan asid-bes. Prinsip-prinsip asas analisis isipadu yang merangkumi kaedah titratan asid-bes ~~sepintas lalu~~, pemendakan, kompleksometri (EDTA) dan redoks. Gravimetri dan analisis gravimetri.

~~STKK1702 Basic Analytical Chemistry~~

~~(Note: Enrolment for School of Chemical Sciences & Food Technology; Forensic, and Biochemistry Programmes only)~~

